



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
KELANTAN



UNTUK SIARAN SEGERA

16 Mei 2023 (Selasa)

BILANGAN 9/2023(KELANTAN)

JKDM KELANTAN MEMPERTINGKATKAN PENGUATKUASAAN DI MUSIM PANAS BAGI MENCEGAH PENYELUDUPAN RENTAS SEMPADAN

1. Musim kemarau yang berpanjangan terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur, khususnya bagi negeri Kelantan, mengakibatkan beberapa sungai mengalami penyusutan. Sungai Golok khususnya amat ketara penyusutan air sungai yang membolehkan masyarakat sekitar menyeberangi sungai tersebut dengan berjalan kaki.
2. Penyusutan air sungai ini memberikan kesan kepada aktiviti penyeludupan dijalankan dengan agak mudah. Walau bagaimana pun Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan telah meningkatkan aktiviti rondaan dan pemantauan dijalankan di sepanjang sungai.
3. Selain dari rondaan secara berkala, JKDM Kelantan juga membuat pemantauan menggunakan DRON di sepanjang sungai golok bagi memantau aktiviti penyeludupan rentas sempadan.
4. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan, melalui Unit Dron yang telah ditubuhkan telah mempunyai beberapa unit Dron. Unit Dron yang ditubuhkan ini bertujuan sebagai alat bantuan operasi (ABO) bagi tujuan pemantauan dan pengesanan awal. Jumlah Dron ini akan ditambah lagi dari masa ke semasa bagi membolehkan kekerapan pemantauan dilakukan di sepanjang Sungai Golok.
5. Dalam masa terdekat, JKDM Kelantan akan menerima tambahan Dron bagi tujuan meningkatkan lagi kekerapan dan pemantauan yang akan dilakukan disepanjang sungai golok seterusnya mengekang aktiviti penyeludupan rentas sempadan.

6. Sehubungan dengan itu, orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut. Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.
7. JKDM juga menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi **Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855** atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

DATO SAZALI BIN MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM
(Penguatkuasaan / Pematuhan)
16 Mei 2023



09-741 1100



09-7474907



Latihan Jkdm Kelantan



www.customs.gov.my